

# Meneroka Metaverse pada Masa Depan dari Perspektif Pakar

Bai Kai Ge\*  
Nur Haniz Mohd Noor

Taylors University, Malaysia

Emel perhubungan: kaige.bai@sd.taylors.edu.my\*

## Abstrak

*Meta-universe menandakan kemunculan bentuk media global yang terbaharu. Oleh kerana ianya teretus dari proses pembangunan pesat Internet, metaverse, pasti akan membawa perubahan dalam bentuk komunikasi media, dan akan membentuk corak komunikasi baharu dalam jaringan komunikasi global pada era media kontemporari. Tujuan utama makalah ini ditulis adalah untuk meneroka persepsi pakar bidang di China terhadap konsep metaverse dan meneroka beberapa isu yang muncul akibat ledakannya yang semakin merebak ke merata pelusuk dunia. Pendekatan kajian kualitatif digunakan untuk menerangkan konsep metaverse dalam konteks media, fungsi metaverse, bagaimana dunia maya dan realiti disambungkan, dan bagaimana masyarakat menerima pakai metaverse melalui empat sub-tema yang dicanai dari dapatan temubual. Kesimpulannya, kemunculan era metaverse meletakkan masyarakat global dalam posisi untuk menerima dan menyesuaikan diri akibat perkembangan terkini dalam bentuk komunikasi dan platform baharu.*

**Kata kunci:** *Metaverse, Realiti Maya, Media Baharu, Komunikasi Sejagat, Komunikasi Global.*